

Headline **Zaiful ke Bulgaria bersama impian**
 Date **13. May 2008** Language **MALAY**
 Media Title **Berita Harian** Page No **26**
 Section **Sukan** Article Size **223** cm2
 Circulation **217920** Frequency **Daily**
 Readership **2083000** Color **Full Color**



Zaiful ke Bulgaria bersama impian

Oleh Azidan Nahar

APA yang diidamkan kini sudah menjadi kenyataan, dan pelari 400m negara, Zaiful Zainal Abidin (*gambar*) sudah bersedia untuk mempamer larian terbaiknya dengan sasaran untuk mara ke Sukan Olimpik Beijing Ogos ini.

Pelari yang meraih emas acara 4X400m di Sukan Sea Korat tahun lalu itu akan berlepas ke Bulgaria esok dalam rangka latihan dan menyertai kejohanan selama sebulan di Eropah.

Dan jadual padat akan menantinya apabila terpaksa menyertai pertandingan pada setiap hujung minggu malah dia juga dijadualkan akan beraksi di beberapa kejohanan peringkat Asia sebelum pulang ke tanah air pada Julai.

"Saya akan memanfaatkan pelu-

ang yang diberikan," kata Zaiful. "Ini adalah kali kedua saya diberi peluang untuk berlatih dan menyertai kejohanan di Eropah untuk tempoh yang lama dan saya akan menggunakan sepenuhnya."

Katanya, pada 2004 dia turut dihantar untuk menyertai program latihan selama lebih setahun di sebuah kelab Jerman dan baginya ia memang banyak membantu meningkatkan persembahannya.

Anak muda kelahiran Kuala Lumpur berusia 26 tahun itu menjelaskan ada lima kejohanan akan disertainya di Eropah bermula hujung minggu ini di Bulgaria sebelum ke Greece pada minggu berikutnya.

"Saya juga mungkin akan menyertai Grand Prix Asia di Korat, Bangkok dan Hanoi pada Jun nanti sebelum pulang untuk menyertai Terbuka Malaysia yang juga kejohanan

terakhir untuk saya mendapatkan tiket ke Olimpik," katanya.

Zaiful yang memiliki catatan terbaik 46.75s dalam acara 400m ketika meraih gangsa pada Sukan Sea Korat, mahu memecahkan rekod kebangsaan 46.41 miliknya sendiri yang dilakukannya pada Sukan Sea Brunei 2001.

Namun impian utamanya ialah melepasi 45.95s bagi membolehkannya layak ke Olimpik menerusi Kategori B.

"Sudah lama saya tidak berlari dalam kejohanan mencabar seperti di Eropah dan saya akan cuba mencari larian terbaik di sana.

"Saya juga perlu mendapatkan masa terbaik kerana pada hujung tahun ini saya juga akan menyertai Kejohanan Universiti Asia di Malaysia yang juga sasaran kedua saya selepas Olimpik," kata pelajar tahun akhir Universiti Putra Malaysia itu.

Sudah lama saya tidak berlari dalam kejohanan mencabar seperti di Eropah dan saya akan cuba mencari larian terbaik di sana"

Zaiful Zainal Abidin
Pelari 400m

